

22 OCT 1996

Mahathir-Maklumat

PENGGUNA PERLU TAPIS MAKLUMAT, KATA PM

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengguna sistem telekomunikasi perlu membuat penapisan terhadap maklumat untuk memilih mana yang baik dan menolak mana yang buruk.

Katanya seluruh masyarakat perlu sedar dan bertindak serentak kerana kerajaan tidak berupaya untuk mengadakan undang-undang atau dasar atau jentera untuk menangani kemajuan teknologi komunikasi yang berkembang terlalu pantas.

"Kawalan oleh kerajaan tidak penting jika maklumat yang berguna sahaja yang disalurkan melalui alat-alat telekomunikasi ini," katanya semasa berucap merasmikan Pusat Operasi Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) di Sri Pentas, Bandar Utama, Damansara dekat sini hari ini.

Dr Mahathir berkata bermacam-macam propaganda, ajaran sesat, ideologi asing dan bahan-bahan lucah juga diedarkan melalui alat teknologi komunikasi moden.

"Nafsu manusia diperalatkan untuk menghasilkan untung yang banyak. Keadaannya tidak berbeza daripada dadah yang diedar untuk mendapat keuntungan besar, tanpa mengambil kira keburukan kesannya," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan berusaha sedaya-upaya menggunakan undang-undang dan teknologi tertentu untuk menapis bahan-bahan yang buruk yang disalurkan alat telekomunikasi.

Bagaimanapun seperti juga dengan dadah yang ditolak kerana kesedaran oleh majoriti orang ramai mengenai bahayanya, maklumat yang tidak diinginkan hanya boleh ditolak jika rakyat sendiri tahu dan sedar akan keburukan dan bahayanya.

Beliau berkata stesen-stesen siaran televisyen dan radio di Malaysia yang akan mempunyai beratus saluran sedikit masa lagi perlu memainkan peranan utama dalam usaha membanteras gejala buruk yang akan dihadapi.

Katanya mereka bukan sahaja harus menapis program dan bahan-bahan yang disiarkan tetapi juga berusaha memilih program-program yang dapat membentuk akhlak yang baik di samping memberi hiburan.

"Mereka yang akan menapis hendaklah terdiri daripada orang yang terpilih kerana mereka ini harus membuat 'value judgement' (pertimbangan nilai) yang penting semasa memilih dan menapis program.

"Kita tidak perlu fanatik yang menolak segala-galanya tetapi kita juga tidak perlu orang yang terlalu liberal atau tidak bertanggungjawab menjadi penapis di stesen-stesen siaran kita," katanya.

Dr Mahathir berkata TV3 sebagai peneroka dalam bidang televisyen swasta mestilah menjadi contoh badan korporat dan maklumat yang bertanggungjawab.

Katanya beliau yakin tidak siapa pun akan rugi jika stesen TV swasta tidak ghairah berlumba untuk mendapatkan penonton atau pendengar sehingga sanggup meruntuhkan masyarakat dan negara.

"Jika semua stesen siaran kita bertanggungjawab dan sederhana, tidak siapa yang akan rugi, baik stesen, baik kerajaan mahupun masyarakat dan negara.

"Sama ada zaman maklumat ini akan menguntungkan kita atau menghancurkan kita, bergantung kepada kita sendiri," katanya.

Beliau mengucapkan tahniah kepada TV3 yang banyak mencapai kemajuan yang membanggakan sejak dilancarkan pada 1 Jun 1984.

Dr Mahathir berkata sejarah dan perkembangan TV3 sungguh membanggakan kerana ia lahir tanpa penglibatan seorangpun pakar runding asing walaupun

pada ketika itu negara tidak mempunyai begitu banyak tenaga mahir dalam bidang kejuruteraan penyiaran TV.

Ini membutkikan dalam tempoh 12 tahun, Malaysia sudah mampu berdikari dalam bidang-bidang tertentu dan tidak memerlukan kepakaran asing kerana anak-anak tempatan sudah berjaya menguasai teknologi pembinaan stesen TV.

Kemampuan TV3 sudah mendapat pengiktirafan negara-negara luar. Contohnya baru-baru ini ia dipelawa untuk mendirikan secara usahasama sebuah stesen TV swasta yang pertama di Ghana.

Perdana Menteri juga memuji TV3 kerana kreativitinya dan pembaharuan yang diperkenalkan ke dalam dunia televisyen negara ini seperti penyajian program berita selama satu jam menerusi Buletin Utama.

Kerjayaan Buletin Utama adalah hasil persembahannya yang pantas, baik dan menarik yang menyebabkan ia tidak membosankan dan membolehkannya merangkul "rating" yang tinggi.

Dr Mahathir berkata kejayaan TV3 merangkul rating yang tinggi membuktikan masyarakat tidak menolak program-program yang berasaskan berita dan maklumat. -- BERNAMA

HS NMO